

CNS9082

U PB 04-11, 00231 PW055

AAB DEM

UMNO - Mahathir (Ulas)

KEPUTUSAN PEMILIHAN BAIK KE ARAH WAWASAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 4 Nov (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menganggap keputusan pemilihan bagi tiga jawatan Naib Presiden UMNO hari ini sebagai "baik" yang berupaya membawa negara ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.

Presiden UMNO itu berkata keputusan yang dibuat oleh perwakilan cukup bijak kerana semua pihak dipilih tanpa sebarang bukti wujudnya pasukan tertentu.

"Saya fikir keputusan baik...itu sudah memang cara UMNO membawa masuk pelbagai jenis orang," katanya pada persidangan akhbar selepas keputusan pemilihan jawatan parti pada Perhimpunan Agung UMNO diumumkan di Dewan Merdeka, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini.

Tiga jawatan Naib Presiden itu dimenangi Menteri Besar Johor Tan Sri Muhyiddin Yassin yang memperolehi undi terbanyak 1,413 diikuti Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak (1,202) dan Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib (1,189).

Ketika ditanya apa yang dimaksudkannya dengan tidak wujud pasukan sedangkan ketiga-tiga Naib Presiden baru itu ialah daripada gandingan yang digelar Kumpulan Wawasan, Perdana Menteri berkata beliau memberikan pandangan itu kerana yang kalah tidak mengalami kekalahan teruk.

"Kalau kita perhati, orang yang tidak masuk kumpulan itupun mendapat banyak undi walaupun kalah. Kalau kita perhati daripada segi pencalonan, memang banyak kepada kumpulan tapi daripada segi undi nampaknya diagih dengan saksama," katanya. -- Lagi.

JO A2.

▼04/11/19-46MST

CNS9105

U PB 04-11 00157 PW057

AAB

UMNO - Mahathir (Ulas) 2 Kuala Lumpur

Dua penyandang jawatan Naib Presiden iaitu Menteri Luar Datuk Abdullah Haji Ahmad Badawi yang mendapat 927 undi dan Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid (525 undi), tewas.

Apabila ditanya mengenai sama ada kedudukan mereka yang kalah pada pemilihan itu terjejas, Dr Mahathir berkata: "Saya tidak tahu. Saya tidak fikir begitu. Tetapi saya tidak berpandu sepenuhnya kepada keputusan pemilihan ini."

Sama ada kemungkinan diadakan rombakan Kabinet berikutan keputusan pemilihan itu, Perdana Menteri berkata beliau tidak terikat dengan keputusan pemilihan kerana beliau boleh mengetepikan keputusan itu.

"Itulah keindahannya menjadi Perdana Menteri Malaysia, anda boleh mengetepikan keputusan parti anda," katanya.

Ketika ditanya sama ada keputusan itu akan menyukarkan keadaan kerana perasaan tidak puas hati daripada anggota "kumpulan Ghafar", beliau berkata keadaan itu tidak mungkin berlaku.

Katanya, ini kerana semua pihak nampaknya bersedia bekerjasama mengikut cara tradisi UMNO. -- Lagi.

JO AZ.

▼04/11/20-04MST

U PB 04-11 00155 PW058

AAB DEM

UMNO - Mahathir (Ulas) 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Mengenai kemungkinan keputusan itu menunjukkan beliau sudah hilang kawalan terhadap parti, Dr Mahathir berkata, keadaan adalah sebaliknya kerana beliau kini dapat mengawal parti dengan lebih baik berbanding sebelum krisis 1987.

Beliau berkata, apa yang berlaku dalam UMNO sekarang ialah perkara biasa kerana dalam proses demokrasi mesti ada yang terpaksa mengalami kekalahan.

Perdana Menteri juga berkata, beliau tidak risau tentang soal perpaduan parti selepas pemilihan kerana yakin UMNO akan menjadi lebih kuat seperti yang terbukti selepas 1987.

Ketika ditanya sama ada kepimpinan muda yang baru dilantik boleh dianggap sebagai golongan pelapis, Dr Mahathir berkata, ia boleh dilihat sedemikian kerana timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim lebih muda daripadanya.

Bagaimanapun, beliau tidak menganggap kepimpinan mereka yang terpilih hari ini sebagai "kepimpinan muda" kerana Allahyarham Tun Razak menjadi Timbalan Presiden semasa berumur 38 tahun. -- Bernama.

JO KAM.